




GARIS PANDUAN PENGURUSAN MASJID

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG



Cetakan Pertama 2019
©Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.




GARIS PANDUAN PENGURUSAN MASJID

Terbitan

: **JABATAN MUFTI
NEGERI PULAU PINANG**
Tingkat 48, KOMTAR,
10000 Georgetown,
Pulau Pinang.
Tel : 04-263 2975
Fax : 04-263 2985

Konsep, Rekabentuk dan
Cetakan

: **ARZ KREATIF ENTERPRISE**
No.2227, Mukim 14,
Jalan Bukit Minyak,
Kampung Baru Alma,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang



KANDUNGAN

Prakata

Garis Panduan Penganjuran Program Melibatkan Orang Bukan Islam Di Masjid	1
--------------------------------------------------------------------------	---

- Tujuan 1
- Latar Belakang 2
- Tafsiran 4
- Adab Dan Tatacara Orang Bukan Islam Memasuki Masjid 5
- Mengadakan Sambutan Perayaan Bukan Islam Dalam Kawasan Masjid 7
- Panduan Menganjurkan Program Melibatkan Orang Bukan Islam Dalam Masjid 8
- Penutup 13
- Keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang 14

Garis Panduan Menulis Dan Mengukir Ayat Al-Quran Di Dinding Masjid Dan Surau	15
------------------------------------------------------------------------------	----

- Tujuan 15
- Latar Belakang 16
- Tafsiran 18
- Hukum Menulis Dan Mengukir Ayat Al-Quran Di Dinding Masjid Dan Surau 20
- Panduan Penulisan Ayat Al-Quran Di Masjid 26



• Penutup	29
• Keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang	31
Garis Panduan Tabung Kutipan Hari Jumaat	32
• Tujuan	32
• Latar Belakang	33
• Tafsiran	35
• Adad-Adab Berkaitan Sesi Khutbah Jumaat Dan Hukumnya	36
• Panduan Pengurusan Tabung Kutipan Hari Jumaat	42
• Penutup	43
• Keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang	44



PRAKATA

MUFTI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Alhamdulillah, segala pujian hanyalah untuk Allah SWT pemilik seluruh alam ini. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sekalian para sahabatnya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana Garis Panduan Pengurusan Masjid ini dapat dihasilkan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada tahun ini. Garis panduan ini adalah hasil dari kompilasi keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang berkaitan dengan hal ehwal masjid yang melibatkan hukum syarak.

Masjid merupakan sebuah institusi yang sangat besar ertinya pada umat Islam. Ia bukan sekadar sebuah bangunan untuk beribadah semata-mata, tetapi mempunyai impak yang jauh lebih besar dalam penyebaran syiar Islam. Justeru masjid perlulah diurus dengan cekap dan berhemah sesuai dengan misi yang dibawa. Pengurusan masjid yang gagal sedikit sebanyak akan menyebabkan Islam dipandang rendah. Malah kehebatan dan keunggulan Islam bersifat *rahmatan lil 'alamin* ini akan dipertikaikan.

Beberapa keputusan hukum telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang agar pihak pentadbir masjid tidak akan mengambil mudah hal ehwal pengurusan masjid. Oleh itu, dengan adanya buku Garis Panduan Pengurusan Masjid ini, diharap ia dapat membantu pentadbir masjid untuk menjaga dan mengurus masjid dengan baik selaras dengan kehendak syarak. Ini juga untuk mengalakkan kesucian masjid dari dicemari dengan aktiviti dan amalan-amalan yang tidak sesuai dilaksanakan di masjid.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang terlibat dalam penyusunan buku ini dan mengharapkan Garis Panduan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak agar institusi masjid sentiasa dihormati dan dijaga.

Sekian, Terima Kasih.



(DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR)
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

GARIS PANDUAN PENGANJURAN PROGRAM MELIBATKAN ORANG BUKAN ISLAM DI MASJID

TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk menjadi asas rujukan kepada sebarang program yang melibatkan orang bukan Islam agar metodologi dan pendekatan dakwah yang dilaksanakan tidak menyalahi akidah, syariah, akhlak dan *maşlahah* umum. Garis panduan ini boleh dirujuk oleh masyarakat sama ada agensi kerajaan, swasta atau mana-mana pihak khususnya yang melibatkan premis masjid bagi menjaga adab dan kesuciannya. Di samping itu, garis panduan ini juga boleh dijadikan rujukan oleh pihak pengurusan masjid ketika mengendalikan program-program di dalam kawasan masjid.

LATAR BELAKANG

2. Masjid mempunyai kemuliaan dalam agama Islam sebagai tempat ibadat umat Islam untuk menunaikan kewajipan solat dan pengimarahannya dengan pelbagai tuntutan syiar yang lain. Ia bukan sahaja perlu dipelihara daripada sebarang perbuatan atau amalan yang mencemarkan kemuliaannya seperti kotoran, najis, kegiatan mungkar, maksiat dan kekufuran bahkan ia perlu menjadi pusat perpaduan komuniti setempat. Ia juga merupakan sebuah institusi penting yang berperanan menyemarakkan pengimarahannya syiar-syiar Islam di samping menjadi pusat sehenti (*one stop centre*) yang menjalankan aktiviti agama, dakwah, sosial, kebajikan, pentadbiran, pendidikan dan pelbagai kegiatan bermanfaat kepada masyarakat setempat.

Sesuai dengan perkembangan masa kini, umat Islam perlu berusaha menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah, memupuk keharmonian hidup dan mempromosikan kerahmatan agama ini kepada masyarakat termasuk orang bukan Islam.

TAFSIRAN

3. Bagi maksud Garis Panduan ini:

“**Enakmen**” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

“**Masjid**” menurut seksyen 2 Enakmen 4 Tahun 2004, masjid ertinya suatu bangunan:

- i. yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, diperlukan, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam; dan
- ii. yang penggunaannya sebagai yang sedemikian dibenarkan oleh Majlis di bawah seksyen 98; dan termasuklah mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen itu.

“**Ruang Solat Utama**” ertinya ruang yang diisytihar sebagai masjid secara `uruf digunakan untuk solat fardu berjemaah, solat Jumaat dan solat sunat yang lain serta harus berniat iktikaf.

ADAB DAN TATACARA ORANG BUKAN ISLAM MEMASUKI MASJID

4. Menurut pandangan jumur ulama, orang bukan Islam boleh memasuki masjid selain Masjidil Haram jika terdapat keperluan (*maşlahah*) penyebaran dakwah kepada mereka atau keperluan pembinaan infrastruktur yang melibatkan kepakaran mereka.
5. Mereka diharuskan memasuki masjid dan ruang solat utama dengan syarat mendapat keizinan pihak pengurusan masjid dan perlakuan serta tingkah laku mereka tidak mencemarkan kesucian masjid dan sentiasa terkawal.

6. Namun begitu, terdapat peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi untuk memasuki masjid bagi mengelakkan daripada berlaku sebarang fitnah seperti yang berikut :

- i. Hendaklah memastikan diri dan pakaian dalam keadaan bersih daripada sebarang najis dan kotoran.
- ii. Hendaklah berpakaian menutup aurat dan sopan serta tidak memakai pakaian yang berunsurkan agama lain (kecuali ia ditutup oleh pakaian lain).
- iii. Hendaklah berkelakuan sopan dan tidak meninggikan suara.
- iv. Tidak melakukan aktiviti atau upacara yang menyalahi syariat Islam seperti pemujaan, nyanyian, bertafakur dan sebarang amalan mengikut agama mereka.

MENGADAKAN SAMBUTAN PERAYAAN BUKAN ISLAM DALAM KAWASAN MASJID

7. Hukum mengadakan sambutan keagamaan seperti Thaipusam, Deepavali, Hari Natal, Hari Wesak dan seumpamanya dalam kawasan masjid adalah diharamkan. Perkara ini jelas mencemari kemuliaan masjid berdasarkan faktor-faktor adalah seperti berikut:

- i. Para ulama bersepakat bahawa sebarang perbuatan orang bukan Islam yang menjejaskan imej masjid sebagai pusat ibadat umat Islam tidak dibenarkan sama sekali.
- ii. Kebenaran mengadakan upacara keagamaan adalah bertentangan dengan *masalahah* umat Islam.
- iii. Sambutan sedemikian boleh diadakan di dewan orang ramai, premis ibadat khusus mereka dan di tempat yang tidak menimbulkan fitnah kepada umat Islam.


8. Sebarang sambutan perayaan atau kebudayaan yang bukan berunsur keagamaan tidak digalakkan dianjurkan demi menjaga kesucian masjid.

PANDUAN MENGANJURKAN PROGRAM YANG MELIBATKAN ORANG BUKAN ISLAM DALAM MASJID

9. Larangan mengadakan sambutan seperti di para 7 dan 8 tidak bermakna orang bukan Islam dilarang daripada memasuki masjid untuk menyaksikan aktiviti dakwah dan program kemasyarakatan anjuran pihak masjid.
10. Penganjuran program hendaklah mengambil kira realiti komuniti setempat seperti jumlah populasi orang bukan Islam, kepentingan dakwah serta maklum balas orang Islam.

11. Tidak menjadi satu kesalahan jika pihak pengurusan masjid mengadakan program sosial dan dakwah *inter-komuniti* seperti dialog keagamaan, syarahan, ceramah dan forum tentang Islam, hak asasi manusia serta isu-isu sejagat yang melibatkan penyertaan orang bukan Islam.

12. Antara peraturan penganjuran program melibatkan orang bukan Islam dalam kawasan masjid adalah seperti berikut :
 - i. Perjalanan program hanya dalam kawasan masjid atau premis khusus kegunaan awam seperti dewan kuliah, bilik syarahan dan seumpamanya.
 - ii. Tidak mengganggu kelancaran fungsi utama pengurusan masjid.
 - iii. Menjaga kesucian masjid; tidak dicemari dengan sampah sarap, kotoran, najis dan seumpamanya.

- iv. Program tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam berdasarkan *Ahlu Sunnah wa al-Jamā'ah*. Contohnya adalah seperti berikut :
 - a. Memasang simbol-simbol agama seperti salib, Swastika , memasang lilin, pokok Krismas dan sebagainya.
 - b. Menyanyikan lagu-lagu bercirikan agama.
 - c. Memberikan ucapan atau isyarat yang berbentuk pujian kepada agama bukan Islam.
 - d. Tunduk atau melakukan perbuatan seolah-olah menghormati agama orang bukan Islam.
- v. Program tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan syariat Islam. Contohnya:
 - a. Menghidangkan makanan tidak halal atau minuman memabukkan seperti wain, bir dan seumpamanya.

- b. Mengadakan bunyi-bunyian atau hiasan seperti loceng gereja dan kuil, pokok Krismas, memecah kelapa dan seumpamanya.
 - c. Mengadakan acara yang berunsurkan perjudian, penyembahan, pemujaan, tilik nasib dan sebagainya.
- vi. Program tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bercanggah dengan akhlak dan budaya masyarakat Islam di negara ini. Contohnya adalah seperti berikut :

- a. Percampuran bebas yang menyalahi kesopanan dan kesusilaan.
- b. Berpakaian yang menjolok mata.
- c. Mendengarkan lagu-lagu yang mempunyai seni kata berunsurkan anti-ketuhanan, penghinaan agama, pemujaan syaitan, khurafat, kata - kata lucah, kesat dan seumpamanya.

- vii. Program tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti dan merosakkan keharmonian hubungan antara masyarakat Islam dengan orang bukan Islam. Contohnya adalah seperti berikut:
- a. Bentuk ucapan atau nyanyian berbentuk dakyah keagamaan bukan Islam.
 - b. Bentuk ucapan yang menghina dan menimbulkan provokasi terhadap agama Islam dan doktrin *Ahlu Sunnah wa al-Jamā'ah* yang menjadi pegangan umat Islam di Malaysia.

PENUTUP

Masjid adalah tempat ibadat khusus bagi umat Islam yang turut mempamerkan pelbagai syiar Islam kepada seluruh komuniti setempat. Masjid juga perlu menjadi institusi Islam yang aman, selamat dan menyampaikan rahmat kepada sesiapa yang mengunjunginya. Usaha menjadikan masjid sebagai pusat pelancongan dakwah akan dapat memperkasakan lagi penyebaran dakwah Islam kepada orang bukan Islam. Pihak penganjur program dan pengurusan masjid dinasihatkan agar mendapatkan pandangan pihak berkuasa agama sebelum menganjurkan program yang melibatkan orang bukan Islam.

Disediakan oleh :

Bahagian Fatwa

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Tarikh : 16 Julai 2019



KEPUTUSAN FATWA NEGERI PULAU PINANG

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.2/2018 yang bersidang pada 18-19 April 2018 telah membincangkan mengenai hukum menyambut perayaan orang bukan Islam dalam masjid. Mesyuarat memutuskan seperti berikut:

- i. Program kepada orang bukan Islam di masjid bagi tujuan dakwah kepada golongan ini, di samping memurnikan hubungan di antara penduduk Islam dan bukan Islam adalah harus.
- ii. Sebarang penganjuran program sambutan perayaan bukan Islam yang mengandungi unsur-unsur khurafat dan kepercayaan yang bertentangan dengan akidah Islam atau boleh mendatangkan fitnah kepada agama Islam adalah haram.
- iii. Dicadangkan sambutan hari terbuka dianjurkan sempena sambutan hari raya Aidilfitri atau hari-hari kebesaran umat Islam yang lain dan menjemput orang-orang bukan Islam hadir ke majlis-majlis tersebut.



GARIS PANDUAN HUKUM MENULIS DAN MENGUKIR AYAT AL-QURAN DI DINDING MASJID DAN SURAU

TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk menjadi asas rujukan kepada semua masjid dan surau khususnya di Pulau Pinang agar penulisan dan pengukiran kaligrafi menepati kehendak syarak. Garis panduan ini boleh dirujuk oleh masyarakat sama ada agensi kerajaan, swasta atau mana-mana pihak khususnya yang melibatkan premis masjid bagi menjaga kesucian ayat al-Quran agar tidak sewenang-wenangnya disalahgunakan. Di samping itu, garis panduan ini juga boleh dijadikan rujukan oleh pihak pengurusan masjid ketika menguruskan hal berkaitan penulisan dan pengukiran kaligrafi di dalam kawasan masjid.

LATAR BELAKANG

2. Menjadi satu amalan bagi masyarakat Islam di negara kita meletakkan pelbagai ayat-ayat al-Quran di rumah, masjid, surau dan lain-lain tempat sebagai hiasan. Adakah hal ini bertepatan dengan kehendak Islam kerana al-Quran itu selain menjadi petunjuk dan panduan kepada umat Islam ia diberi pahala apabila membacanya.
3. Terdapat keadaan di mana ayat-ayat al-Quran tersebut ditulis atau dihias dengan seni kaligrafi yang pelbagai sehingga ia sukar dibaca. Penulisan ayat-ayat al-Quran perlu jelas dan disertakan dengan nama surah, bilangan ayat yang betul dan teratur; mudah dibaca dan tidak hanya sekadar hiasan semata-mata.
4. Bagi menjaga kesucian ayat suci al-Quran pembuatan, penulisan, pengendalian serta pelupusan kaligrafi al-Quran hendaklah mengikut peraturan tertentu sebagaimana naskhah al-Quran.

5. Garis panduan ini menjurus kepada aturan kaligrafi atau menulis ayat-ayat suci al-Quran dan hadis Nabi SAW di bahagian hadapan mihrab atau di dinding masjid dan surau.

TAFSIRAN

6. Bagi maksud Garis Panduan ini:

“**Al-Quran**” ertinya kalamullah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam bahasa arab sebagai mukjizat yang dinaqalkan secara mutawatir, ditulis dalam mushaf bermula dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah an-Nas, membacanya adalah ibadah.

“**Dinding**” ertinya bahagian penutup (penyekat) ruang, bangunan, bilik, dan lain-lain yang dibuat daripada kayu, bata, dan lain-lain.

“**Kaligrafi**” ertinya seni menulis dengan indah; atau seni khat tulisan tangan yang menghasilkan huruf atau tulisan yang indah sebagai satu seni khat.

“**Mihrab**” ertinya bahagian masjid (surau, langgar dan lain-lain) yang menganjur ke kiblat (tempat Imam memimpin sembahyang).

“**Pihak Berkuasa Agama**” merujuk kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, atau Majlis Agama Islam Pulau Pinang

“**Seni Khat**” ertinya kemahiran menulis tulisan Arab atau tulisan Jawi dengan gaya yang khas atau unik sehingga menghasilkan tulisan yang indah.

HUKUM MENULIS DAN MENGUKIR AYAT AL-QURAN DI DINDING MASJID DAN SURAU

7. Menurut pandangan jumhur ulama, makruh menulis (mengukir) pada dinding atau atap (bumbung) masjid kerana dikhuatiri mengganggu konsentrasi dan kekhusyukan orang yang sedang menunaikan solat.

Pertama: Mazhab Syafi'i

8. Makruh menulis (mengukir) sesuatu daripada ayat al-Quran pada dinding atau atap (bumbung) masjid. Manakala menyandarkan badan sama ada belakang atau tepi pada bahagian yang mengandungi tulisan ayat al-Quran adalah haram.

Kedua: Mazhab Maliki

9. Jika ditulis (diukir) pada dinding kiblat, hukumnya makruh kerana boleh mengganggu konsentrasi atau kekhusyukkan orang yang sedang solat, sama ada yang ditulis itu ayat al-Quran atau ayat-ayat yang lain. Tidak makruh jika ditulis selain daripada dinding arah kiblat.

Ketiga: Mazhab Hanbali

10. Makruh menulis (mengukir) pada dinding atau atap masjid (bumbung). Jika tulisan itu dilakukan dengan menggunakan harta wakaf, hukumnya haram dan pelakunya wajib menggantikan nilai harta wakaf tersebut. Sekiranya tulisan itu dibuat daripada hartanya sendiri, maka dia tidak boleh menarik balik hartanya dengan cara mewakafkannya.

Keempat: Mazhab Hanafi

11. Menulis (mengukir) pada dinding masjid sepatutnya tidak dilakukan kerana dibimbangi tulisan tersebut jatuh dan menjadi hina apabila dipijak.¹

Sandaran Hujah

12. *ومكروهة من أمثلتها زخرفة المساجد*
Maksudnya: *Dan (bidaah) yang makruh, di antara contohnya ialah ukiran hiasan di masjid-masjid.*²

¹ Abdul Rahman al-Jaziri, *Al-Fiqh 'ala Mazahib al-'Arba'ah*, Juz. 1, Hlm.290, Dar al-Fikr, Beirut, Lubnan (1411/1990).

² Said al-Bakri Ibn Said Muhammad Syatho ad-Dimyati, *Hasyiah l'annah at-Thalibin*, Jil.1, Hlm. 271, Dar al-Fikr.

13. مذهبنا أنه يُكره نقش الحيطان والثياب بالقرآن ،
وبأسماء الله تعالى (لا تجوزُ كتابة القرآن بشيءٍ نجسٍ ،
و تُكره كتابته على الجدران عندنا)

Maksudnya: *Dalam mazhab kami, bahawa sesungguhnya dimakruhkan mengukir al-Quran pada tembok dan baju, sekalipun menulis nama-nama Allah Taala. Tidak harus menulis ayat al-Quran dengan sesuatu yang najis. Dan bagi kami, makruh hukumnya menulis al-Quran di dinding.*³

14. ومن حرمة ألا يكتب على الأرض ولا على حائط كما
يفعل به في المساجد المحدثة. حدّثنا محمد بن علي
الشقيقيّ عن أبيه عن عبد الله بن المبارك عن سفيان عن
محمد بن الزبير قال : سمعت عمر بن عبد العزيز يحدث
قال : مرّ رسول الله ﷺ بكتاب في أرض ، فقال لشاب من

³ Abi Zakaria bin Syarif an-Nawawi, *At-Tibyan fi Adab Hamlah al-Quran*, Hlm.172.

هُذَيْلُ : (ما هذا) قال : من كتاب الله كتبه يهودي ، فقال
: (لعن الله من فعل هذا لا تضعوا كتاب الله إلا موضعه)
قال محمد بن الزبير : رأى عمر بن عبد العزيز ابناً له
يكتب القرآن على حائط فضربه.

Maksudnya: Dan daripada (adab) menghormati al-Quran itu ialah larangan menulis (ayat al-Quran) di atas bumi (lantai) atau ditulis di dinding seperti yang dilakukan di masjid-masjid sekarang ini. Telah menceritakan Muhammad bin Ali al-Syaqiqi daripada ayahnya daripada Abdullah bin Mubarak daripada Sufyan daripada Muhammad bin al-Zubair: Aku mendengar Umar bin Abdul Aziz menceritakan: Rasulullah SAW telah melalui satu tempat yang ditulis ayat al-Quran di atas bumi (lantai). Lalu Rasulullah SAW bersabda kepada seorang pemuda daripada Huzail: Apakah ini? Jawab pemuda itu: Ini adalah daripada kitab Allah ditulis oleh seorang Yahudi. Sabda Rasulullah SAW: Allah melaknat sesiapa yang berbuat sedemikian dan jangan

meletakkan al-Quran itu melainkan pada tempat yang sepatutnya. Berkata Muhammad bin al-Zubair: Umar bin Abdul Aziz telah melihat anaknya menulis ayat al-Quran di atas dinding, lalu memukulnya.⁴

15. : *وَلَوْ كُتِبَ الْقُرْآنُ عَلَى الْحَيْطَانِ وَالْجُدْرَانِ بَعْضُهُمْ قَالُوا : يُرْجَى أَنْ يَجُوزَ، وَبَعْضُهُمْ كَرِهُوا ذَلِكَ مَخَافَةَ السَّقُوطِ تَحْتَ أَقْدَامِ النَّاسِ ، كَذَا فِي فَتَاوَى قَاضِي خَانَ*

Maksudnya: Dan jika al-Quran ditulis pada tembok atau dinding, sebahagian mereka berkata, diharapkan hal itu diharuskan, dan sebahagian mereka membencinya (makruh), kerana bimbang apabila al-Quran itu jatuh dan berada di bawah kaki manusia (atau berada di bawah kaki pada bangunan yang bertingkat). Demikian sebagaimana difatwakan oleh Qadhi Khan.⁵

⁴ Abi Abdullah bin Muhammad, *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, Jil. 1, Hlm.37, Dar al-Fikr (1414/1993).

⁵ Al-Hamam Maulana as-Syeikh Nizam & Jemaah Ulama al-Hind, *Al-Fatawa al-Hindiah fi Mazhab Imam Abi Hanifah*, Jil.5, Hlm. 323 Dar al-Fikr (1310).

16. Selain itu dibimbangi berlaku bermegah-megah dan berbangga-bangga dengan masjid masing-masing seperti mengeluarkan kata-kata: *“masjid kami lebih tinggi, lebih cantik terhias, lebih bagus”* dan sebagainya. Semua kata-kata itu terbit daripada angkara riak, mencari nama dan mahukan pujian. Hal ini berdasarkan hadis Nabi SAW:

روى أحمد، وأبو داود، والنسائي، وابن ماجه، وصححه ابن
حبان، عن أنس، أن النبي ﷺ قال: (لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى
يَتَّبَاهَى النَّاسُ بِالْمَسَاجِدِ).

ولفظ ابن خزيمة: يأتي على الناس زمانٌ يتباهون
بالمساجد، ثم لا يعمرونها إلا قليلاً

Maksudnya: *Diriwayatkan Ahmad, Abu Daud, Nasaie, Ibnu Majah, disahihkan oleh Ibnu Hibban, daripada Anas, sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda: Tidak akan berlaku kiamat sehinggalah manusia bermegah-megah dan berbangga-bangga dengan masjid masing-masing. Dan lafaz daripada*

Ibnu Khuzaimah: Akan tiba satu zaman di mana manusia itu sering berbangga-bangga dengan masjid mereka, kemudian mereka tidak meng'imararkannya kecuali sedikit sahaja (yang meng'imararkannya) ⁶

PANDUAN PENULISAN AYAT AL-QURAN DI MASJID

17. Penulisan kaligrafi al-Quran pada dinding bangunan, papan iklan, kain rentang dan lain-lain hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada pihak berkuasa agama atau pihak berkuasa yang berkaitan untuk kelulusan.
18. Orang yang terlibat dalam pembuatan kaligrafi al-Quran seperti menulis, mengukir, mereka bentuk, mencetak dan sebagainya hendaklah orang Islam.

⁶ Abu Daud: Kitab Solat-Bab Bina Masjid (311/1) Bil.(449), Nasai'e: Kitab al-Masajid-Bab Perkara Harus Dalam Masjid (32/2), Bil.(689), Ibn Majah: Kitab Masjid-Bab Tasyiid Masjid (244/1) Bil.(739), Musnad Ahmad (152,145,134/3), Sahih Ibn Khuzaimah Bil.(1321,1323), Lafaz Kedua Daif, Lihat: Tamam al-Minah (294).

19. Tulisan ayat-ayat al-Quran pada kaligrafi al-Quran hendaklah mengutamakan tulisan *Rasm Uthmani*.
20. Tulisan hendaklah mengikut kaedah kaligrafi yang betul, jelas dan boleh dibaca.
21. Setiap penulisan kaligrafi al-Quran tidak boleh disambungkan atau dicampuradukkan dalam satu susunan dengan apa-apa tulisan lain termasuk hadith, kata-kata ulama dan sebagainya; (kecuali dengan membezakan jenis khat atau warna dan saiz tulisan adalah dibenarkan.)
22. Kaligrafi yang diletakkan di hadapan mihrab secara kekal hukumnya makruh kerana boleh mengganggu konsentrasi atau kekhusyukan orang yang sedang solat.

23. Tidak makruh jika ditulis selain daripada dinding arah kiblat atau di bahagian hadapan. Namun begitu jika di bahagian hadapan maka hendaklah diletakkan di tempat yang tinggi serta tidak dapat dilihat (luar daripada pandangan mata) oleh orang yang sedang mengerjakan solat.
24. Jika perbelanjaan bagi membuat tulisan kaligrafi tersebut menggunakan sumber daripada wang tabung masjid atau wakaf, maka pihak yang melaksanakannya hendaklah menggantikan semula wang tersebut.
25. Jika pihak masjid berhasrat menulis ayat al-Quran maka hendaklah menggunakan *Rasm Uthmani* sahaja serta perlu mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa agama negeri.

PENUTUP

Bagi mengelak daripada kekeliruan dan menarik perhatian kepada pihak-pihak yang berkenaan, masjid-masjid yang telah sedia ada ukiran-ukiran atau tulisan-tulisan di mihrab atau di dinding dan sebagainya supaya tidak merasa cemas dan tergesa-gesa bertindak membuang ukiran-ukiran atau tulisan yang sedia ada di masjid mereka kerana tindakan yang seumpama itu membawa kepada kerugian terhadap perbelanjaan yang telah dibelanjakan. Lagipun perkara itu dari segi hukum adalah makruh, tambahan pula menurut kaedah:

يُغْتَفَرُ فِي الْبَقَاءِ مَا لَا يُغْتَفَرُ فِي الْإِبْتِدَاءِ

Maksudnya: *Diberi kemaafan di atas keterlanjuran perkara yang sedia ada, sebaliknya tidak diberi kemaafan untuk memula atau mengadakannya.*

Membuat ukiran atau menulis tulisan ayat-ayat suci al-Quran di bahagian hadapan mihrab atau di dinding masjid-masjid adalah di antara perkara yang tidak digalakkan oleh Islam. Termasuk juga dalam hal ini segala

tulisan selain ayat al-Quran yang diletakkan di bahagian hadapan (dalam) masjid yang boleh mengganggu konsentrasi dan kekhusyukan orang yang sedang menunaikan solat.



KEPUTUSAN FATWA NEGERI PULAU PINANG

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2018 pada 18 dan 19 April 2018 telah membincangkan berkaitan Hukum Hiasan Ayat Suci Al-Quran Atau Hadis (Khat) Di Dinding Dan Mihrab Masjid/Surau. Mesyuarat berkenaan telah memutuskan seperti berikut:

- i. Penggunaan sebarang khat yang susun atur kalimahnyanya mengelirukan pada mana-mana ayat al-Quran atau hadis adalah tidak harus.
- ii. Khat yang diletakkan di hadapan mihrab secara kekal adalah makruh hukumnya kerana boleh mengganggu konsentrasi atau kekhusyukan orang yang sedang solat.
- iii. Tidak makruh jika ditulis selain daripada dinding arah kiblat atau jika ditulis di bahagian hadapan hendaklah diletakkan di tempat yang tinggi serta tidak dapat dilihat (luar daripada pandangan mata) oleh orang yang sedang mengerjakan solat.



GARIS PANDUAN TABUNG KUTIPAN HARI JUMAAT

TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk menjadi asas rujukan kepada pihak pengurusan masjid yang melaksanakan kutipan tabung bergerak setiap hari Jumaat. Garis panduan ini boleh dirujuk oleh masyarakat sama ada agensi kerajaan, swasta atau mana-mana pihak khususnya yang melibatkan pihak ahli jawatankuasa pengurusan masjid dan surau bagi menjaga adab dan hukum yang berkaitan dengannya.

LATAR BELAKANG

2. Tabung masjid merupakan istilah yang sinonim dengan masyarakat dan ia merujuk kepada satu kaedah yang digunakan oleh pihak Jawatankuasa Qaryah Masjid untuk mengutip sumbangan atau derma melalui tabung-tabung yang terletak di dalam masjid.
3. Pelbagai inisiatif dan usaha dilakukan untuk membantu serta memudahkan orang menyalurkan sumbangan kepada pihak masjid dengan mewujudkan tabung-tabung sama ada ianya dilekatkan di dinding atau tiang masjid. Terdapat juga tabung yang diletakkan di tempat berhampiran dengan pintu keluar masuk orang ramai di masjid. Selain tabung-tabung yang diletakkan secara kekal di sesuatu tempat, ada juga tabung yang digerakkan di antara para jemaah masjid seperti tabung sewaktu kuliah, ceramah dan pada hari Jumaat ketika khatib sedang membaca khutbah.

4. Fenomena menggerakkan tabung masjid pada hari Jumaat ketika khatib sedang berkhotbah bukan perkara baru bagi suasana masyarakat Islam di Malaysia. Ia berlaku apabila khatib mula melangkah menaiki tangga mimbar, maka aktiviti tolak menolak tabung masjid akan bermula. Kebiasaannya tabung akan digerakkan bermula dari bahagian tepi dan akan melalui barisan saf berkenaan sehingga ke hujung saf. Suasana ini mengundang polemik di kalangan masyarakat masa kini, sehinggakan wujud segelintir golongan yang menentang tindakan menggerakkan tabung masjid tersebut walaupun ia telah menjadi satu kelaziman bagi sesuatu masjid yang mengamalkan kaedah tersebut.

TAFSIRAN

5. Bagi maksud Garis Panduan ini:

“Masjid” menurut seksyen 2 Enakmen 4 Tahun 2004, masjid ertinya suatu bangunan:

- i. yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, diperlukan, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam; dan
- ii. yang penggunaannya sebagai yang sedemikian dibenarkan oleh Majlis di bawah seksyen 98, dan termasuklah mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen itu.

“**Tabung Masjid**” ertinya tempat menabungkan wang manakala masjid adalah rumah ibadat orang-orang Islam. Satu kaedah yang digunakan oleh pihak Jawatankuasa Qaryah Masjid untuk mengutip sumbangan atau derma melalui tabung-tabung yang terletak di dalam masjid.

ADAD-ADAB BERKAITAN SESI KHUTBAH JUMAAT DAN HUKUMNYA

6. Sunat hukumnya bagi orang yang mendengar khutbah untuk diam daripada berkata-kata dan tidak membuat aktiviti lain selain mendengar kepada bacaan khatib. Hal ini berdasarkan beberapa hadith, seperti berikut :

- a. Salman al-Farisi RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَغْتَسِلُ رَجُلٌ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، وَيَتَطَهَّرُ مَا اسْتَطَاعَ مِنْ طَهْرٍ، وَيَدَّهِنُ مِنْ دُهْنِهِ، أَوْ يَمَسُّ مِنْ طِيبٍ بَيْتِهِ ثُمَّ يَخْرُجُ، فَلَا يَفْرُقُ بَيْنَ اثْنَيْنِ، ثُمَّ يُصَلِّي مَا كَتَبَ لَهُ، ثُمَّ يُنْصِتُ إِذَا تَكَلَّمَ الْإِمَامُ، إِلَّا غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ الْأُخْرَى

Maksudnya: Seseorang yang mandi dan bersuci pada hari Jumaat sekadar yang termampu, memakai minyak dan wangi-wangian, kemudian ke masjid dan tidak mengganggu para jemaah dan seterusnya mendirikan solat yang ditentukan, diam ketika imam berkhotbah. Maka segala dosa kecilnya akan diampunkan di antara Jumaat dan Jumaat yang akan datang.

(Riwayat al-Bukhari:843)

- b. Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا قُلْتُمْ لِصَاحِبِكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَنْصِتْ. وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ

فَقَدْ لَغَوْتُمْ

Maksudnya: *Apabila kamu berkata 'diam' kepada sahabat kamu pada hari Jumaat ketika imam membaca khutbah maka sia-sialah Jumaat kamu.*

(Riwayat al-Bukhari:892 dan Muslim:851)

- c. Saidina Ali RA meriwayatkan:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جُمُعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Maksudnya: *Bahawa sesiapa yang Jumaatnya sia-sia dia tidak dapat apa-apa kelebihan dan pahala yang diharapkan daripada Jumaatnya itu.*

(Riwayat Abu Daud:1051)

7. Terdapat tegahan dan larangan melakukan aktiviti-aktiviti lain semasa khatib sedang menyampaikan khutbah menerusi beberapa hadith Nabi SAW seperti Hadis daripada Abu Hurairah RA:

مَنْ مَسَّ الْحَصَى فَقَدْ لَغَا

Maksudnya: *Barang siapa yang menyapu (bermain-main) batu kerikil (ketika Jumaat) maka hal itu sia-sia.*

(Riwayat Muslim: 857)

8. Terdapat beberapa hujah dan dalil yang boleh dijadikan rujukan serta sandaran dalam isu ini, antaranya:

- a. Kitab *Min Hasiyah al-Alim al-A'lamah Syeikh Sulaiman Jamal ala Syarah Minhaj*, Juz 2, Hlm. 36:

وَيُكْرَهُ الْمَسُّ بَيْنَ الصُّفُوفِ لِلسُّؤَالِ وَدَوْرَانِ الْإِبْرِيْقِ
وَالْقَرَبِ لِسَقْيِ الْمَاءِ وَتَفْرِقَةِ الْأُورَاقِ وَالتَّصَدُّقِ عَلَيْهِمْ
لَأَنَّهُ يُلْهِى النَّاسَ عَنِ الذِّكْرِ وَاسْتِمَاعِ الْخُطْبَةِ

Maksudnya: *Dan makruh berjalan di antara saf-saf untuk meminta-minta, mengedarkan kendi (termasuk juga tabung derma) dan qirbah (bekas air minuman yang diperbuat daripada kulit kambing) untuk minuman air dan membahagikan kertas-kertas serta memberi sedekah kepada mereka kerana yang demikian boleh melalaikan jemaah daripada berzikir dan mendengar khutbah.*

b. Syeikh Syihabuddin al-Qalyubi pula menyatakan:

يُكْرَهُ الْمَشْيُ بَيْنَ الصُّفُوفِ لِلسُّؤَالِ أَوْ غَيْرِهِ

وَالتَّصَدُّقُ عَلَيْهِ..

Maksudnya: *...makruh berjalan di antara saf-saf untuk meminta-minta atau selainnya serta memberikan sedekah padanya.*

(Hasyiah al-Qalyubi).

9. Walaupun tidak terdapat tegahan secara jelas tentang pengedaran tabung ketika khatib sedang membaca khutbah, namun pendalilan berkaitan hukum isu ini telah diqiaskan kepada beberapa dalil yang menyatakan mengenai tegahan daripada berkata-kata dan bermain batu kerikil ketika khatib sedang membaca khutbah.

10. Oleh yang demikian, sebarang bentuk aktiviti yang mengganggu penumpuan jemaah kepada isi kandungan khutbah boleh menjurus kepada perkara *lagha* seperti mana yang dinyatakan di dalam beberapa pandangan.

PANDUAN PENGURUSAN TABUNG KUTIPAN JUMAAT

11. Hukum menggerakkan tabung kutipan derma atau sumbangan ketika khutbah Jumaat adalah makruh.
12. Pihak pengurusan masjid dinasihatkan agar kaedah kutipan derma atau sumbangan dilaksanakan seperti berikut:
 - a. Menggerakkan tabung kutipan sebelum khutbah Jumaat atau selepas solat Jumaat.
 - b. Memperbanyakkan dan meletakkan tabung kutipan derma atau sumbangan di setiap lorong saf.
 - c. Memperbanyakkan dan meletakkan tabung kutipan derma atau sumbangan di tepi laluan serta pintu keluar masuk masjid serta di tempat-tempat yang sesuai.

PENUTUP

Tidak dinafikan, mewujudkan tabung kutipan Jumaat adalah salah satu inisiatif dan usaha yang dilakukan bagi membantu serta memudahkan orang ramai menyalurkan sumbangan kepada pihak masjid. Namun begitu adab-adab khutbah dan segala hukum yang berkaitan perlulah dijaga bagi mendapat kesempurnaan dalam pelaksanaannya.



KEPUTUSAN FATWA NEGERI PULAU PINANG

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2017 pada 18 dan 19 Disember 2017 telah membincangkan berkaitan Hukum Menggerakkan Tabung Kutipan Derma/Sumbangan Ketika Khutbah Jumaat. Mesyuarat berkenaan telah memutuskan seperti berikut:

1. Hukum menggerakkan tabung kutipan derma atau sumbangan ketika khutbah Jumaat adalah makruh.
2. Mesyuarat menasihatkan agar kaedah kutipan derma atau sumbangan adalah seperti berikut:
 - a) Menggerakkan tabung kutipan sebelum khutbah Jumaat atau selepas solat Jumaat.
 - b) Memperbanyakkan dan meletakkan tabung kutipan derma atau sumbangan di setiap lorong saf.
 - c) Memperbanyakkan dan meletakkan tabung kutipan derma atau sumbangan di tepi laluan serta pintu keluar masuk masjid serta di tempat-tempat yang sesuai.

